

Ahli Parlimen BERSATU sokong ANWAR

‘Pengkhianatan kepada PN’

Tanjong Karang disifatkan mudah longlai dengan tawaran peruntukan

Oleh Zanariah Abd Mutualib

zanariah_mutalib@bh.com.my

Kuala Lumpur: Sokongan seorang lagi Ahli Parlimen BERSATU kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, kelmarin disifatkan sebagai satu lagi episod pengkhianatan kepada parti itu dan Perikatan Nasional (PN).

Ia berikutan semua perwakilan sudah menyatakan janji taat setia kepada parti pada Perhimpunan Agung Tahunan (PAT) BERSATU, November lalu.

Pemimpin BERSATU menganggap, sebagai Ahli Parlimen yang sebelum ini lantang mengkritik kerajaan, Datuk Dr Zulkafperi Hanafi sepatutnya malu dengan tindakannya yang mudah



Razali Idris

‘longlai’ dengan tawaran peruntukan daripada kerajaan, sekali gus membelakangkan perjuangan parti.

Ketua Penerangan BERSATU, Datuk Razali Idris, berkata selepas pelbagai perbincangan antara pemimpin dan baiah untuk setia di-zahirkan pada PAT lalu supaya Presiden, Tan Sri Muhyiddin Yassin terus meneraju parti, tindakan Ahli Parlimen Tanjong Karang itu amat mengecewakan.

“Tan Sri setuju tarik balik pengumuman peletakan jawatannya selepas semua perwakilan baiah menyokong parti tapi beliau (Zulkafperi) buat juga (sokong Anwar), kita nak kata apa.

“Saya nampak sebahagian Ahli Parlimen ini terlampau taasub dengan kewangan. Sebagai pejuang politik, kewangan itu perlu tia bukan segala-galanya.

“Jika beliau (Zulkafperi) rasa hebat sangat dan ramai pengundi Tanjong Karang menyokongnya, kita cabar beliau letak jawatan

dan kita percaya beliau tidak akan menang kalau bertanding lagi kerana kemenangannya sebelum ini adalah atas tiket PN,” katanya kepada BH, semalam.

Kelmarin, Zulkafperi menyatakan sokongannya kepada kepemimpinan Anwar, menjadikan wakil rakyat keenam daripada parti itu berbuat demikian.

Zulkafperi berkata, keputusan itu diambil selepas menyedari keperluan kepada kestabilan politik dan kelancaran pemulihian ekonomi negara, selain menginsafi keperitan kehidupan rakyat dengan kos sara hidup yang menghimpit ketika ini.

BERSATU akan bersidang

Mengulas tindakan terhadap Zulkafperi, Razali yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kijal, berkata Majlis Pimpinan Tertinggi (MPT) BERSATU akan mengadakan mesyuarat pada masa terdekat bagi membincangkan perkara itu.

Mengenai sama ada akan ada

lagi Ahli Parlimen BERSATU akan menyokong Anwar, Razali tidak mengetahuinya dan tindakan Zulkafperi hanya diketahui melalui kenyataan yang tular di media sosial.

“Kita tak boleh nak halang, cuma masalahnya sekarang jika yang sebelah sana (Ahli Parlimen kerajaan) nak sokong kita, seolah-olah ada dakaun ia menyalahi undang-undang, tapi jika yang sebelah sini ditawar dengan peruntukan (untuk menyokong), tidak dikatakan sogokan,” katanya.

Ketua ARMADA BERSATU, Wan Ahmad Fayhsal Wan Ahmad Kamal, menyifatkan tindakan Zulkafperi sebagai pengkhianatan kepada parti dan pengundi.

Lima Ahli Parlimen BERSATU yang mengisyiharkan sokongan terhadap Anwar sebelum ini ialah Ahli Parlimen Bukit Gantang, Datuk Syed Abu Hussin Hafiz; Ahli Parlimen Jeli, Zahari Kechik; Ahli Parlimen Gua Musang, Mohd Azizi Abu Naim, Ahli Parlimen Kuala Kangsar, Datuk Iskandar Dzulkarnain Abdul Khalid dan Ahli Parlimen Lubuan, Datuk Suhaili Abdul Rahman.

Sanusi harap tiada lagi wakil rakyat paling tadah

Pokok Sena: Perikatan Nasional (PN) berharap tiada lagi ahli Parlimen BERSATU membuat pengumuman menyokong kepemimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, selepas enam wakil rakyat parti itu berbuat demikian setakat ini.

Ketua Pengarah Pilihan Raya PN, Datuk Seri Muhammad Sanusi Md Nor, menyifatkan ia berlaku berikutan tekanan dihadapi wakil rakyat berkenaan apabila tiada peruntukan kewangan mencukupi untuk menjaga kawasan masing-masing.

“Saya rasa itu pun tekanan. Dia (Kerajaan Pusat) membiarkan (wakil rakyat) kelaparan dan dibiar (tanpa peruntukan) kerana tekanan di kawasan tadbirannya, orang tuntut macam-macam tapi dia tidak ada kemampuan.

“Sampai dia letih, dia terpaksa salah (sokong Perdana Menteri). Saya harap itu yang terakhirlah. Orang pun taklah gila semua atas dunia ni dah jadi wakil rakyat tak ada bajet, jadi tekanan kat dia, lama-lama dia pun akan panas,” katanya.

Pelaksanaan e-Invois bantu lancarkan sistem percukaian lebih mampan

Kuala Lumpur: Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (HASIL) akan melaksana dan menguatkuasa e-Invois di seluruh negara secara berperingkat untuk memastikan pembayar cukai mempunyai tempoh masa mencukupi dalam menyediakan dan menyeuaikan diri dengan pelaksanaan sistem digital itu.

Bagi fasa permulaan, ia dilaksanakan secara mandatori kepada pembayar cukai dengan pendapatan tahunan atau jualan melebihi RM100 juta mulai 1 Ogos 2024, manakala pembayar cukai dalam kategori pendapatan lain akan dikuatkuasakan secara berperingkat dengan pelaksanaan menyeluruh mulai 1 Julai 2025.

Anjakan ini menceerminkan komitmen kerajaan untuk menerima pakai kemajuan digital dan mengurangkan pergantungan kepada prosedur manual, sekali gus mendorong Malaysia ke arah ekonomi digital.

e-Invois adalah gambaran transaksi berbentuk digital yang dilaksanakan antara penjual dan pembeli bagi menggantikan

penggunaan dokumen kertas atau elektronik.

Sistem transaksi digital ini mula diperkenalkan sejak 2001 dan telah digunakan di beberapa negara termasuk Chile, Brazil, Mexico, Denmark, Itali, Perancis, Arab Saudi, Mesir, Korea Selatan, Singapura, China dan lain-lain.

Pelaksanaan e-Invois bukan sahaja memberikan pengalaman yang lancar kepada pembayar cukai, tetapi turut meningkatkan kecekapan perniagaan melalui automasi proses invois dan mengurangkan tugas pentadbiran, serta meningkatkan pematuhan cukai merentas perniagaan daripada semua saiz.

Pada masa sama, pelaksanaan e-Invois akan meningkatkan kecekapan dan melancarkan operasi perniagaan pembayar cukai serta meningkatkan tahap pematuhan cukai termasuklah mengurangkan proses manual dan kesilapan dalam pelaporan, memudahkan pengemukaan Borang Nyata, meningkatkan kecekapan operasi dan mendigitalkan pelaporan percukaian dan kewangan.

Dalam pada itu, HASIL akan menggunakan model Continuous Transaction Control (CTC) yang mana pengesahan dokument dan transaksi e-Invois dilakukan dalam masa hampir serata-merta.

Secara tradisinya, sesebuah perniagaan akan mengeluarkan salinan resit, bil atau invois sama ada secara fizikal atau versi digital untuk merekodkan urus niaga, seperti penjualan produk atau perkhidmatan.

Bagi tujuan percukaian, peniaga (pembekal) dan pengguna (pembeli) perlu menyimpan rekod transaksi yang teratur sama ada dalam bentuk kertas atau digital sebagai bukti perbelanjaan atau hasil.

Bagaimanapun, dengan pelaksanaan e-Invois, semua perniagaan diwajibkan untuk mengeluarkan e-Invois bagi setiap transaksi.

Terdapat dua senario utama untuk transaksi perniagaan kepada pengguna (B2C) selepas pelaksanaan e-Invois iaitu apabila pengguna memerlukan e-Invois daripada perniagaan dan kedua,



apabila pengguna tidak memerlukan e-Invois.

Sementara itu, aliran proses pelaksanaan e-Invois boleh terbahagi kepada tiga senario. Pertama, sekiranya pengguna memohon e-Invois, sesebuah perniagaan mesti mendapatkan maklumat yang diperlukan daripada pengguna untuk memudahkan pengeluaran e-Invois.

e-Invois yang telah disahkan oleh HASIL boleh digunakan sebagai bukti perbelanjaan pengguna untuk mengesahkan sesuai transaksi bagi tujuan cukai.

Senario kedua, jika pengguna tidak memerlukan e-Invois, perniagaan akan mengeluarkan re-

sit atau invois tetap kepada pengguna dan tidak perlu dikemukakan untuk pengesahan HASIL.

Namun, sekiranya pengguna memerlukan e-Invois selepas menerima resit atau invois biasa daripada perniagaan, permohonan perlu dibuat dalam bulan yang sama selepas transaksi.

Bagi mengetahui maklumat lanjut dan garis panduan yang berkaitan berhubung pelaksanaan e-Invois layari portal rasmi HASIL, www.hasil.gov.my di bawah menu e-Invois.

Sebarang maklum balas atau pertanyaan juga boleh disalurkan melalui e-mel myinvois@hasil.gov.my.